



AKADEMIK

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Bilangan 1 Tahun 2020

PEMAKAIAN KURSUS FALSAFAH DAN ISU SEMASA SERTA KURSUS PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN SEBAGAI KURSUS UMUM UNIVERSITI

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada semua warga dan pihak yang berkepentingan mengenai ketetapan pelaksanaan pemakaian kursus berkaitan Falsafah dan Isu Semasa serta kursus berkaitan Penghayatan Etika dan Peradaban sebagai kursus umum universiti untuk semua program Diploma dan Sarjana Muda di Universiti Teknologi MARA.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Pekeliling Akademik dikeluarkan sebagai susulan kepada pemakluman Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bertarikh 15 Ogos 2019 dan kelulusan Mesyuarat Senat ke-249 pada 5 September 2019 serta Mesyuarat Senat ke-251 pada 13 November 2019 berkenaan pelaksanaan kursus baharu yang berkaitan Falsafah dan Isu Semasa serta Penghayatan Etika dan Peradaban di Institusi Pendidikan Tinggi iaitu:

- a. Falsafah Dan Isu Semasa
- b. Penghayatan Etika Dan Peradaban I
- c. Penghayatan Etika Dan Peradaban II
- d. Pengantar Etika Dan Peradaban

2.2 Penawaran kursus ini bertujuan untuk memupuk penghayatan falsafah, nilai dan sejarah dalam kalangan pelajar. Penawaran ini juga selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Rukun Negara dan Objektif Strategik 2.4, Pelan Antirasuah Nasional 2019 - 2023 yang menekankan kepada aspek hubungan antara manusia dan implikasi terhadap persekitaran.

3.0 KAEDAH PELAKSANAAN PEMAKAIAN

3.1 Perubahan pemakaian kursus sebagai kursus umum universiti bagi pelajar Diploma iaitu:

Kursus Universiti	Ketetapan dari komponen KPM	Kod kursus		Nama Kursus		Unit Kredit	Jumlah Unit Kredit	
		Kod Kursus Lama	Kod Kursus Baharu	Nama Kursus Lama	Nama Kursus Baharu			
Kursus Umum Universiti	MPU U1	CTU151	CTU152	Pemikiran Dan Tamadun Islam	Penghayatan Etika Dan Peradaban I	2	2	12
		IDA152	IDA153	Islam Dan Peradaban	Pengantar Etika Dan Peradaban	2		
	MPU U2	ENT300		Asas Keusahawanan		3	3	
	MPU U3	Kursus yang beracuankan kemalaysiaan					4	
	MPU U4	Kokurikulum					3	
Kursus Wajib Universiti	Bahasa Inggeris						9	9
	Bahasa Ketiga						Tiada	

3.2 Perubahan pemakaian kursus sebagai kursus umum universiti bagi pelajar Sarjana Muda iaitu:

Kursus Universiti	Ketetapan dari komponen KPM	Kod Kursus		Nama Kursus		Unit Kredit	Jumlah Unit Kredit	
		Kod Kursus Lama	Kod Kursus Baharu	Nama Kursus Lama	Nama Kursus Baharu			
Kursus Umum Universiti	MPU U1	CTU551	CTU552	Tamadun Islam dan Tamadun Asia	Falsafah Dan Isu Semasa	2	4	12 - 13
		CTU553/CTU555	CTU554	Hubungan Etnik/ Sejarah Malaysia	Penghayatan Etika Dan Peradaban II	2		
	MPU U2	Satu kod sahaja (Bergantung kepada bidang)	ENT530	Prinsip – Prinsip Keusahawanan (For non-science)		3	3	
			ENT600	Keusahawanan Teknologi (For science)		3		
	MPU U3	Kursus Yang Beracuankan Kemalaysiaan					2 - 3	
MPU U4	Kokurikulum					3		
Kursus Wajib Universiti	Bahasa Inggeris						4 (min)	10 (min)
	Bahasa Ketiga						6	

3.3 Pemakaian kursus ini dilaksanakan secara berfasa seperti berikut:

Fasa	Semester/Sesi Akademik	Program Akademik Yang Terlibat
Fasa I	Bermula semester Sesi I 2019/2020 (September 2019 – Januari 2020)	<ul style="list-style-type: none"> Sarjana Muda Muamalat (Kepujian) (IC210) Sarjana Muda Pengurusan Industri Halal (Kepujian) (IC220)
Fasa II	Bermula semester Sesi II 2019/2020 (Mac - Jun 2020)	Semua program Diploma dan Sarjana Muda

- 3.4 Susulan dari pemakaian kursus baharu ini, maka ada kohort pelajar lepasan Diploma UiTM tidak akan mendapat pengecualian kredit di peringkat Sarjana Muda disebabkan tidak memenuhi syarat pengecualian kredit seperti mana yang ditetapkan di dalam Peraturan Akademik semasa.

4.0 PELAKSANAAN

Sila panjangkan maklumat ini kepada semua pihak berkepentingan di Fakulti/ Pusat Akademik/UiTM Kampus Cawangan/PTJ masing-masing.

5.0 PEKELILING BERKAITAN


Tiada

6.0 TARIKH DIKELUARKAN

Pekeliling dikeluarkan pada 2 Januari 2020.

7.0 TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini berkuat kuasa 5 September 2019.



PROF. Ts. DR. HAJI MOHAMAD KAMAL HAJI HARUN, FASc
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Dikelilingkan Kepada:

*Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit
Semua Dekan-Dekan Fakulti
Semua Rektor-Rektor Kampus Negeri*

*Bil. Fail : 100-HEA(6/4)
Kategori Pekeliling : Peraturan*